

# Berat maut

Faktor genetik keliru dengan bahasa rojak antara punca anak enggan berakap lancar



SAYA ada anak lelaki berusia 6 tahun dan kini memasuki prasekolah. Masalah saya sekarang, anak saya tidak mahu berakap dengan orang lain kecuali keluarganya. Di rumah, dia seorang yang aktif sehingga kadang-kala tidak dikawal. Anak saya juga tidak lancar berakap seperti kanak-kanak sebabnya usianya. Saya risau, apakah anak saya perlu dihantar ke sekolah khas? Bagaimana cara untuk saya mengatasi masalah ini.

Ibu Risau.

Bersama  
Dr Mastura Badzis

**K**EUPAYAAN berakap antara kanak-kanak, berbeza dan berakit rapat dengan faktor persekitaran dan kesihatan. Bahasa atau percakapan biasanya akan tercetus apabila ada ruang untuk berinteraksi antara seorang dengan yang lain dalam konteks sosial. Ia juga adai kaitannya dengan keupayaan seseorang kanak-kanak itu berfikir dan menguasai perbandaran kata. Bahasa juga boleh berkembang dengan lancar dan berterusan, atau secara mendadak.

Galakan dan sokongan memainkan peranan penting untuk merangsang keupayaan kanak-kanak berakap dengan sempurna. Pemupukan rasa keyakinan diri yang tinggi akan dapat membantu kanak-kanak mengatasi rasa malu dan bimbang untuk berakap. Kanak-kanak seluruhnya lebih memahami (bahasa resepitif) dari apa yang mereka boleh tuturkan (bahasa ekspresif).

Menurut kajian, satu bagi setiap 10 kanak-kanak menghadapi masalah lambat berakap dan ada fakta menyatakan biasanya kanak-kanak lelaki, tiga atau empat kali lebih terdedah kepada masalah ini berbanding kanak-

kanak perempuan. Tidak dinafikan, ada sesetengah kes anak lambat berakap kerana faktor genetik yang mana ayah atau ibunya ketika kecil pun lambat berakap atau malu untuk berakap dengan orang lain. Ada juga kanak-kanak yang tidak mahu berakap kerana mereka menganggap itulah caranya untuk mereka mendapat perhatian dan tumpuan sepenuhnya daripada ibu bapa atau penjaga terutama bagi ibu bapa yang terlalu sibuk hingga kurang memberi perhatian untuk berakap dengan anak.

Ada anak yang tidak lancar pertuturnya kerana mereka keliru dengan bahasa rojak yang digunakan oleh ibu bapa atau penjaga. Selain itu kanak-kanak yang selalu bermain sendiri dan kurang terdedah kepada hubungan sosial juga, akan menghadapi masalah sama.

Keupayaan berakap sebenarnya berkait rapat dengan empat peringkat perkembangan bahasa kanak-kanak.

**Peringkat pertama** - bermula dengan kemahiran fonologi iaitu seseorang kanak-kanak belajar mengeluarkan bunyi dan memahami bunyi-bunyi bahasa pertuturan. Pada peringkat ini, jika seseorang kanak-kanak menghadapi masalah pendengaran seperti jangkitan pada gegedang telinga atau masalah berkaitan 'hearing block' yang blasanya berlaku dalam tempoh dua atau tiga tahun pertama kelelahan, pastinya kanak-kanak ini akan mengha-

dapi masalah pertuturan jika tidak dikenal pasti dari awal. Begitu juga bagi kanak-kanak yang mempunyai masalah 'oral-motor' iaitu kesukaran menggunakan lidah, bibir dan dagu untuk mengeluarkan perkataan; atau kanak-kanak yang di kenal pasti mempunyai masalah autisma. Dalam konteks ini, pengesahan awal adalah suatu yang amat kritis agar kanak-kanak dapat dirujuk segera kepada pakar kesihatan dan dilakukan intervensi terhadapnya.

Namun, ada juga logiknya seseorang kanak-kanak itu lambat berakap kerana asyik menggonggong botol atau puting di bibirnya sehingga dia kurang berpeluang menggerakkan bibir mengikut bunyi yang didengar.

**Peringkat kedua** - ialah kemahiran semantikaitu keupayaan kanak-kanak memahami perkataan dan menguasai perbandaran kata. Jika di peringkat ini kanak-kanak tidak didekahkan kepada pelbagai perbandaran kata atau perbandaran kata yang dipelajari namun adalah dalam bentuk 'bahasa rojak' yang mengelirukan, serta tidak berpeluang berkomunikasi dengan orang di sekitarnya, sudah pastinya dia akan menghadapi kesukaran untuk berakap bila dia didekahkan kepada dunia luar yang lebih luas ruang lingkupnya.

**Peringkat ketiga** - ialah keupayaan kanak-kanak belajar cara mencantum dan menyusun perkataan menjadikan ayat yang betul dari segi tababaha. Di peringkat ini, sokongan dari aspek emosi amat diperlukan. Jika pun melakukannya pemeriksaan kesihatan terhadap anak dan mengenal pasti faktor dan peringkat perkembangan bahasa anak puuan dengan kasih sayang dan kelembutan.


kerana 'buat bisbing', atau disergah kerana berakap apa saja perkara yang didengarinya (walaupun tanpa memahaminya), keyakinan dirinya akan runtuh. Begitu juga jika kanak-kanak ini dalam kategori berisiko tinggi seperti tidak cukup zat makanan, tekanan emosi yang keterlalu, penderaan dan sebagainya akan menyebabkan proses belajar untuk berakap terganggu.

**Peringkat keempat** - Paling kompleks laju perkembangan pragmatik yang membabitkan peraturan menggunakan bahasa dalam konteks sosio yang berbeza atau tujuan yang perbagai. Ini termasuklah kebolehan untuk membezakan bagaimana berakap dan bertingkah laku terhadap rakan perbuatan yang berbeza, kebolehan mengekalkan tajuk perbuatan dan kebolehan mengekalkan eye-contact yang sesuai (bukan merenung, atau melihat ke tempat lain) ketika perbuatan. Peringkat yang keempat ini, berkembang selari dengan perkembangan intelek kanak-kanak dan berkait dengan keupayaannya untuk berfikir mengenai apa yang diperkata atau dilakukan. Jika puuan melakukan pemeriksaan kesihatan terhadap anak dan mengenal pasti faktor dan peringkat perkembangan bahasa anak puuan dengan kasih sayang dan kelembutan.

## INFO

### Tip bantu anak lancar berakap :

- Apabila berakap dengan anak, sentuhlah dia, dan pandang tepat ke wajah/matanya; gunakan ayat yang pendek serta mudah.
- Apabila mahu menerangkan sesuatu kepada anak, pastikan ada ruang (*pause*) antara satu ayat dengan yang lain supaya anak anda mendapat peluang untuk memberi maklum atau tindak balas.
- Gunakan mimik muka yang bersesuaian untuk menyampaikan sesuatu maksud perkataan atau ayat.
- Selalu membaca buku untuk anak dan meluangkan masa bercerita kepada anak atau menyanyi bersamanya.
- Dedahkan anak kepada interaksi sosial kerana dengan cara ini ibu bapa memberi peluang kepada anak mendengar perbualan di samping berjumpa dengan orang yang baru dikenali.
- Banyak aktiviti sehari-hari dapat digunakan untuk membantu anak berakap dan mengembangkan keupayaannya menggunakan bahasa antara-yaa mengemukakan soalan, mengemukakan arahan, mempelajari perkataan-perkataan baru dan berakap-cakap dengannya.
- Cuba menjadi pendengar yang baik dengan berusaha menumpukan perhatian dan cuba memahami apa yang disampaikan si anak.
- Jika apa yang diucapkannya tidak jelas seperti pelat, jangan sekali mengulangi sebutannya; sebaliknya bantu anak dengan menyebut perkataan yang tepat sebutannya yang anda rasa mungkin itulah yang cuba disebut anak.
- Pelajari gerakan lidah dan bibir.



ANDA ada masalah dengan anak atau ada sikapnya yang membimbangkan? Kongsi masalah anda bersama Pakar Perkembangan Pendidikan Kanak-Kanak yang juga Penolong Profesor di Institut Pendidikan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Dr Mastura Badzis. Hantar soalan anda ke e-mel [bhrita@bharian.com.my](mailto:bhrita@bharian.com.my) atau melalui pos di alamat Unit Ratu, Berita Harian, 31, Jalan Riong, 59100 Bangsar, Kuala Lumpur.



GAMBAR/HI